

# Komuniti Pulau dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir? Island Community in Development Era: Are Marginalised or Had Marginalised?

YAHAYA IBRAHIM

## ABSTRAK

*Pembangunan merupakan idaman setiap komuniti yang memahami akan manfaat yang bakal diperolehi daripadanya. Setiap pembangunan yang dibawa ke dalam sesebuah komuniti, selalunya memberikan konotasi yang berbeza di kalangan individu dalam komuniti berkenaan. Bagi komuniti dalam sebuah pulau kecil yang terlewat mengalami proses pembangunan, selalunya anggotanya akan menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan pembangunan tersebut. Berkaitan itu, pelbagai tafsiran telah dihujahkan, iaitu sama ada mereka ini dipinggirkan ataupun mereka sendiri yang meminggirkan diri lantaran kekok atau kurang selesa dengan tuntutan pembangunan dan proses perubahan yang sedang berlaku. Reaksi yang berlaku dalam kalangan mereka yang pada asasnya mempunyai persamaan latar belakang, tetapi mempunyai tahap keupayaan serta tafsiran yang berbeza tentang pembangunan, jelas dipamerkan melalui tindakan, penyertaan serta pencapaian yang berbilang-bagai dalam konteks sosioekonomi dan keusahawanan. Makalah ini membincangkan tahap penyertaan komuniti di tiga buah pulau yang telah dilanda proses pembangunan pelancongan yang hebat di Pantai Timur, iaitu Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tioman.*

## ABSTRACT

*Development is a state desired by communities that understand its benefits. However, each development introduced into the communities will normally bring about different reactions from its members. For a community on a small island which is a late-comer to development, oftentimes its members will face problems adapting to the process. As a result issues are raised regarding whether they are marginalised or had marginalised themselves because they are unable to cope with the demands of development. The reactions of the members of the community who basically share similar background, but have different levels of capabilities as well as different notions of development, are shown in their actions, participation and achievements in the socioeconomy and entrepreneurship. This article discusses the participation of the communities of three islands – Pulau Redang, Pulau Perhentian and Pulau Tioman – which are in the midst of touristic development process.*

## PENGENALAN

Pembangunan sering dikaitkan dengan keperluan dan tuntutan yang seharusnya disediakan oleh pemerintah kepada rakyat. Tanpa pembangunan sesebuah negara itu dianggap mundur dan para pemimpin pula akan dipersalahkan kerana tidak berupaya menyediakan pembangunan untuk keperluan rakyat. Kadang-kala sesuatu pembangunan itu hanya bertumpu ke sesuatu kawasan atau daerah yang menyebabkan ada pula kawasan lain yang tertinggal atau terpinggir.

Bagi mengatasi masalah keterpinggiran ini, Wawasan 2020 telah menggariskan konsep pembangunan yang menyeluruh (total development), meliputi aspek peningkatan dalam taraf hidup dan juga kualiti hidup dari segi ekonomi, sosial, politik dan keseluruhannya. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada pembangunan kerohanian, kebudayaan, psikologi dan politik. Oleh itu, dalam konteks pembangunan, kemajuan dan juga pemodenan, tidaklah segala-galanya diubah, dipinda atau digantikan dengan yang baru, tetapi nilai dan norma asal yang baik tetap dipertahankan.

Rakyat negara ini sering diingatkan agar mengamalkan cara hidup moden tanpa mengabaikan warisan tradisi yang seharusnya dikekalkan untuk generasi akan datang. Bagi para pemimpin Melayu misalnya, apa yang sering disarankan dalam ucapan mereka daripada dulu hingga sekarang, menggesa orang Melayu agar 'bangun dari tidur'. Satu peringatan agar mereka tidak leka dengan corak kehidupan yang terlalu 'sentimental' sehingga mereka tertinggal ke belakang atau terpinggir berbanding dengan kaum lain, terutamanya dalam bidang ekonomi.

Dilihat daripada perspektif evolusi, pembangunan berkembang mengikut garis lurus daripada tahap rendah kepada tahap yang lebih tinggi. Satu jurang dikatakan wujud di antara yang membangun dengan yang kurang membangun; yang maju dan yang terpinggir, maka dengan itu, tugas pihak yang kurang membangun ialah melakukan usaha *catching up*, atau mengejar dan mengecilkan jurang tadi (Abdul Rahman Embong 2000). Keadaan ini seiring dengan idea dalam teori pemodenan yang menekankan akan keperluan perubahan mental di kalangan mereka yang kurang membangun bagi memastikan orientasi pencapaian (McClelland 1961).

Dalam konteks komuniti luar bandar di pulau-pulau pelancongan yang dikaji, terdapat dua persoalan yang sering dibangkitkan iaitu sama ada mereka terpinggir oleh pembangunan yang sedang melanda pulau mereka tanpa sebarang perancangan dan peluang sewajarnya untuk mereka, ataupun mereka meminggirkan diri daripada proses pembangunan yang bakal memberikan kemajuan dalam pelbagai sektor ekoran ketidakmampuan mereka untuk bersaing, terutama dalam sektor yang baru dan asing bagi mereka. Oleh itu, isu keterpinggiran ini bukan hanya melibatkan aspek fizikal, malah meliputi aspek ekonomi, sosial dan juga politik yang sering menjadi pokok perbincangan dalam konteks pembangunan dan perubahan komuniti tempatan.

## KOMUNITI DAN PEMBANGUNAN

Istilah ‘komuniti’ banyak digunakan dalam pelbagai penulisan, terutama dalam bidang sains sosial. Dalam bidang sosiologi, istilah ini diambil daripada konsep *gemeinschaft* dan *gessellschaft* yang mula-mula diperkenalkan oleh seorang ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tonnies. “Kedua-dua konsep ini merangkumi fenomena sosial yang agak luas dan merujuk kepada jenis masyarakat, susunan sosial dan juga hubungan-hubungan yang berkaitan dengannya” (Ting Chew Peh 1985: 66). Secara umum konsep ‘komuniti’ ini boleh dirumuskan sebagai sekumpulan kecil manusia yang tinggal di suatu petempatan, mengamalkan suatu tahap otonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, berpartisipasi dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan serta mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan.

Manakala pembangunan pula merupakan sesuatu yang subjektif, dan pelbagai pihak yang mengkaji tentang pembangunan telah melihatnya mengikut tafsiran dalam konteksnya sendiri. Justeru, pelbagai pengertian telah digambarkan bergantung kepada perspektif dan konteks penggunaannya. Ungkapan ‘pembangunan’ sering mempunyai takrifan yang bertindan maksudnya dengan ‘pertumbuhan’ (growth), ‘kemajuan’ (progress) dan ‘pemodenan’ (modernisation); sedangkan kesemua ini adalah merupakan tahap-tahap dalam proses pembangunan.

Umumnya para pengkaji menggunakan konsep pembangunan untuk menerangkan sejarah manusia dan perubahan yang dialaminya secara berperingkat ke arah kemajuan dari segi struktur ekonomi dan sosial. Tokoh-tokoh ini juga mempercayai bahawa pergerakan daripada satu peringkat kepada satu peringkat akan memperkayakan kehidupan manusia; kehidupan menjadi lebih berbeza-beza, lebih kaya dalam aspek material dan budaya, lebih rasional dan sebagainya (Galeski 1972:273). Namun mengikut Rahimah Abdul Aziz (1989) pula, pembangunan merupakan sebagai perubahan berencana dan terkawal, yakni proses berlakunya perubahan daripada usaha sedar manusia untuk mencapai suatu matlamat mengikut rancangan-rancangan tertentu.

Konsep pembangunan yang luas dan komprehensif menjurus kepada maksud proses peningkatan yang berlaku secara evolusi dan terancang bagi mencapai matlamat tertentu. Maka, pembanguan tidak boleh terbatas kepada hal-hal ekonomi sahaja, sebaliknya ia meliputi semua bidang kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, definisi pembangunan terkini berkecenderungan memberi penekanan ke arah serangkai matlamat kebajikan yang bersifat positif atau menguntungkan semua pihak dan cuba mengatasi kelemahan atau keterpinggiran yang berlaku sebelum ini.

Oleh yang demikian, komuniti dan pembangunan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Semenjak awal abad ke-20 lagi, para pengkaji komuniti daripada bidang ekonomi dan sains sosial yang lain telah mula memerhatikan perubahan komuniti akibat proses pembangunan. Mereka rata-rata menyedari

bahawa pembangunan yang dibawa semestinya akan membawa perubahan sama ada ke arah kebaikan ataupun sebaliknya kepada sesebuah komuniti yang dikaji.

Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan yang diharapkan membawa perubahan positif, kadang-kadang memberikan implikasi yang sebaliknya akibat ketidaktepatan perancangan ataupun kurangnya persediaan komuniti tempatan dalam proses mengadaptasi kepada perubahan yang terhasil daripada proses pembangunan. Keadaan sedemikian juga boleh menyebabkan berlakunya protes atau rasa tidak puas hati dalam kalangan kelompok tertentu, terutama mereka yang merasakan diri mereka mundur dan terpinggir. Oleh itu, pembangunan boleh dianggap sebagai kebalikan kepada kemunduran, iaitu suatu keadaan yang menggerunkan dan mengaibkan masyarakat dan negara yang terjebak di dalamnya.

Dalam kajian-kajian lampau, seringkali diungkapkan bahawa aktiviti pembangunan yang baru seperti dalam sektor pelancongan bakal memberikan impak yang besar yang sekaligus membawa perubahan ke atas sosioekonomi dan fizikal komuniti tempatan, terutama di Negara-negara Dunia Ketiga. Dalam usaha menjayakan program-program pembangunan yang dirancang, komuniti tempatan memainkan peranan sebagai penyokong ke arah memakmur dan memajukan lagi industri tersebut melalui pengintegrasian yang positif. Dalam konteks pembangunan sektor yang baru, penyertaan penduduk amat perlu sebagai tenaga kerja yang bakal memberikan pulangan ekonomi dalam sektor ini dan kepada sektor pelengkap yang lain. Kesediaan komuniti tempatan merupakan satu sokongan moral terhadap pembangunan sektor yang baru, yang juga secara langsung mencerminkan kesudian mereka untuk melibatkan diri seterusnya melalui proses transformasi sosial dan juga ekonomi (Pizam 1978; Rothman 1978; Sentha & Richmond 1978; Sheldon & Var 1984; Milman & Pizam 1988; Perdue, Long & Allen 1990).

Sebaliknya, terdapat beberapa kajian lain (Bystranowski 1989; McCool & Martin 1994; Thompson, Crompton & Kamp 1979; Brougham & Butler 1981; Var, Kendall & Tarakcoglu 1985; Caneday & Zeiger 1991) mendapati bahawa penduduk tempatan mempunyai persepsi negatif terhadap pembangunan pelancongan dan umumnya mereka tidak mahu terlibat dalam aktiviti ini. Langkah ini dianggap sebagai usaha meminggirkan diri daripada perubahan, yang mahu tidak mahu, apabila sampai masanya mereka terpaksa juga akur kepada kehendak semasa.

## PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI PULAU

Pembangunan pelancongan sebenarnya selari dengan modenisasi, urbanisasi dan industrialisasi yang dianggap sebagai faktor perubahan. Lebih-lebih lagi,

pembangunan yang dijalankan perlu membuat perubahan dari segi struktur dan bukannya membuat perubahan dalam sesetengah aspek sahaja. Manakala setiap kawasan pelancongan pula sememangnya mempunyai ciri khas dan keunikan yang tersendiri di mana pembangunan kawasan tersebut harus memacu pada ciri khas dan keunikan tersebut (Burkart & Medlik, 1981). Hasil pembangunan tersebut bukan hanya untuk kemajuan ekonomi tetapi juga untuk memperbaiki mutu kehidupan manusia kerana manfaatnya dinikmati oleh komuniti tempatan (Cooke 1982; Goodfrey 1998; Pizam 1978; Doxey 1975).

Dalam konteks pembangunan pelancongan di pulau-pulau kecil, pembangunan sektor pelancongan akan mewujudkan satu bentuk pengeluaran sumber yang terdapat dalam kalangan anggota komuniti tempatan dan juga kemasukan para pelancong yang melahirkan pelbagai jenis ekonomi di pulau. Justeru itu, proses pengembangan dan pembahagian sumber ini mula menjadi agen perubahan utama bagi keseluruhan ekonomi, politik dan struktur sosio-budaya komuniti tempatan. Pembangunan sektor pelancongan juga merupakan satu alternatif pembangunan yang baik serta sesuai untuk diadaptasikan dalam konteks komuniti pulau di Malaysia.

Sebelum ini, komuniti luar bandar sering dirujuk sebagai komuniti di sektor tani yang rata-rata bersifat tradisional dan ketinggalan dari segi ekonomi. Namun, akhir-akhir ini komuniti pulau juga sering disebut sebagai terpinggir oleh kerana latar belakang geografinya, dan rata-rata mereka masih memerlukan kemudahan asas yang baik, serta perhatian yang lebih daripada pihak kerajaan. Usaha bagi memenuhi tuntutan ini telah terlaksana secara minimum disebabkan kekangan geografi dan juga faktor pengagihan sumber. Oleh itu, proses pembangunannya mengikut kaedah pembangunan semulajadi sentiasa memakan masa yang lama dan bertahap. Mengikut Noronha (1979), terdapat tiga fasa untuk memasuki proses pembangunan pelancongan, iaitu (1) Fasa Pembangunan; (2) Fasa Operasi dan (3) Fasa Transformasi.

Sektor pelancongan di pulau-pulau pelancongan di Semenanjung Malaysia kini telah memasuki fasa transformasi. Bagi meneliti pembangunan pulau dan komunitinya, pengkaji telah melakukan penyelidikan secara berperingkat ke atas tiga buah pulau utama yang berpenduduk di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dalam tempoh 3 tahun. Pulau-pulau yang dikaji itu ialah Pulau Redang dan Pulau Perhentian di Terengganu dan Pulau Tioman di Pahang. Kajian ini dimulakan di Pulau Redang dengan jumlah sampel sebanyak 183 orang, diikuti Pulau Perhentian dengan sejumlah 173 orang sampel, manakala di Pulau Tioman jumlah sampelnya ialah 252 orang. Oleh itu, jumlah keseluruhan sampel bagi 3 peringkat kajian ini ialah 608 orang yang diperolehi melalui temubual dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan mudah dari sebuah rumah ke sebuah rumah berdasarkan pilihan yang terlebih dahulu ditentukan bersama oleh pengkaji dan juga ketua kampung (informan utama). Pemilihan responden ini juga adalah berdasarkan ada atau tidaknya beliau di rumah semasa kunjungan dilakukan.

Dari segi kedudukan geografinya ketiga-tiga pulau ini terletak di Laut China Selatan. Majoriti penduduk asalnya terdiri daripada etnik Melayu yang bergantung hidup sebagai nelayan tradisional. Manakala ciri sosiobudayanya ketiga-tiga buah pulau ini juga adalah sama dan terdapat sebilangan penghuni, di antara pulau-pulau tersebut, yang mempunyai pertalian darah kekeluargaan. Kini, pembangunan pelancongan di pulau-pulau tersebut telah memasuki fasa transformasi yang menjanjikan perubahan kepada mereka yang tidak meminggirkan diri daripada arus pembangunan yang sedang melanda.

## PULAU REDANG

### LATAR BELAKANG

Pulau Redang terletak dalam Mukim Batu Rakit, di daerah Setiu, Terengganu, iaitu kira-kira 30 batu nautika dari Kuala Terengganu dan 20 batu nautika dari Pantai Merang yang menjadi pengkalan utamanya di tanah besar. Perjalanan ke sana dari Pantai Merang dengan feri atau bot pelancong mengambil masa antara satu hingga dua jam bergantung kepada kelajuan bot, arus ombak, dan juga cuaca.

Kepulauan Redang mempunyai rangkaian sembilan buah pulau di mana Pulau Redang merupakan pulau utama yang berpenduduk. Perairannya adalah salah satu daripada 'Taman Laut Malaysia' yang telah diwartakan dan menjadi tumpuan pelancong. Luas keseluruhan Pulau Redang (iaitu pulau utama) ialah 1,087 hektar dengan jumlah penduduk kira-kira 1,340 orang daripada sejumlah 236 keluarga (menurut rekod Balai Polis Pulau Redang semasa kajian dijalankan). Penduduk asal yang menetap di sini adalah kesemuanya etnik Melayu dan beragama Islam.

Mengikut sejarah, komuniti Pulau Redang kini adalah berketurunan pendatang Bugis. Komuniti awal Pulau Redang telah berkembang dengan menjalankan kehidupan hariannya sebagai nelayan dan juga berkebudun di kawasan pedalaman pulau tersebut. Golongan yang kini menetap di Pulau Redang dipercayai generasi keempat dan kelima peneroka awal tersebut.

Petempatan awal komuniti pulau ini bermula di Kampung Lama di Telok Bakau atau dikenali juga sebagai Telok Kalong Besar. Pada sekitar awal tahun-tahun 1970an, komuniti ini berpindah ke Pulau Pinang yang berhadapan dengan Pulau Redang kerana kedudukannya lebih strategik dan terlindung daripada angin monsun. Jumlah penduduk pada masa itu adalah sekitar 120 keluarga. Pertambahan bilangan keluarga menyebabkan kawasan tersebut sesak kerana kekurangan tempat untuk pembinaan rumah baru. Memandangkan pihak kerajaan bercadang pula membangunkan Pulau Pinang sebagai kompleks pelancongan Taman Laut, maka pada tahun 1976 pihak kerajaan Terengganu telah memulakan pembinaan petempatan baru berupa rumah di atas air berhampiran Muara Redang di Teluk Siang. Pembinaan petempatan baru telah

dijalankan dengan bantuan pihak tentera. Penduduk di sini telah mendiami rumah di atas air semenjak 21 tahun yang lalu. Dalam tempoh tersebut, komuniti ini boleh dikatakan telah sebatu dengan cara hidup sedemikian dan mengalami pelbagai peristiwa pahit manisnya. Sehingga pada awal tahun 1998, penduduk tersebut telah diarahkan berpindah ke kawasan perumahan baru di Lembah Redang, kira-kira empat kilometer ke pedalaman kerana kawasan petempatan asal telah dicadangkan untuk dibangunkan jeti dan kompleks pelancongan. Di kawasan petempatan baru ini mereka disediakan dengan rumah jenis sebuah bagi setiap keluarga dan dibekalkan dengan kemudahan yang lebih terurus.

Aktiviti utama yang menghasilkan sumber ekonomi penduduk adalah pekerjaan yang berasaskan sumber laut. Aktiviti menangkap ikan merupakan aktiviti ekonomi utama semenjak dari dulu lagi, tetapi hari ini cuma sejumlah 55.7 peratus sahaja daripada jumlah ketua isi rumah yang masih meneruskan profesyen sebagai nelayan. Selain menangkap ikan, mereka juga membuat 'kerja-kerja kampung' terutama pada musim tengkujuh.

Pada masa kini, sektor pelancongan (18 peratus), merupakan sektor pekerjaan yang mendapat tempat kedua di sini. Pengusaha yang lahir daripada pembangunan industri pelancongan di sini cuma 3.3 peratus (Jadual 1). Mereka menjadi pengusaha bot atau tempat pelancongan (chalet) dan ada juga yang berniaga sendiri. Secara umum, meskipun hampir 20 peratus daripada keluasan Pulau Redang telah dibangunkan untuk aktiviti pelancongan, didapati penyertaan penduduk dalam sektor berkaitan amat kecil berbanding dengan jumlah pelaburan yang besar dibuat oleh pihak kerajaan dan juga swasta. Anggota komuniti hanya mampu memerhati perkembangan yang berlaku dari semasa ke semasa tanpa mampu mengambil sebarang langkah untuk turut bersaing dengan pihak ini.

Di Pulau Redang, fenomena yang berlaku ini bertitik tolak daripada faktor kemampuan ekonomi dan tahap pembangunan minda komuniti tersebut dalam usaha mencorakkan perubahan dan halatuju masa depan komuniti itu. Didapati akhirnya Pulau Redang maju dengan pembangunan fizikal yang diusahakan

JADUAL 1. Pekerjaan utama ketua isirumah Pulau Redang

Jenis Pekerjaan	N=183	Peratus
Nelayan	102	55.7
Pekerja Sektor Pelancongan	33	18.0
Tidak Bekerja & Pesara	23	12.6
Kakitangan Kerajaan	9	4.9
Pengusaha Pelancongan (bot/chalet)	6	3.3
Berniaga Sendiri	6	3.3
Lain-lain (swasta/pembinaan/perkhidmatan)	4	2.2
Jumlah	183	100.0

oleh pihak lain atas motif keuntungan ekonomi. Pada hari ini, Pulau Redang telah menjadi lokasi pelancongan yang utama di pantai timur. Bagaimanapun, anggota komuniti di pulau ini menyedari bahawa dengan kemasukan pembangunan pelancongan yang berskel besar ini, sebahagian daripada tuntutan perubahan oleh komuniti tempatan selama ini telah terlaksana, meskipun di awal proses perubahan tersebut telah timbul pelbagai konflik yang terlahir daripada kebimbangan akibat kurangnya pemahaman dan kesediaan anggota komuniti sendiri.

Pelbagai kemudahan baru telah dibina bagi menggantikan kemudahan yang telah dirobohkan di kawasan petempatan lama. Kini, sebuah masjid, klinik desa, sekolah rendah, balai raya, tadika Kemas, wakil pos, pondok polis dan jeti baru telah dibina bagi meningkatkan kualiti kemudahan awam yang sedia ada. Bekalan elektrik yang dulunya cuma 12 jam (dari jam 7 petang hingga 7 pagi) kini dibekalkan sepanjang masa, manakala bekalan air paip yang dulunya disalurkan dari sebuah rumah ke sebuah rumah, kini disalurkan daripada tanah besar melalui paip dasar laut.

Walau bagaimanapun, secara umum tahap kesihatan penduduk masih lagi kurang memuaskan. Perkhidmatan doktor cuma boleh diperolehi tiga hingga empat bulan sekali dan segala urusan rawatan dikendalikan oleh seorang Pembantu Kesihatan (HA), dua orang pembantu jururawat, seorang atendan dan seorang bidan terlatih. Hampir keseluruhan proses bersalin dilakukan secara kerjasama oleh bidan kerajaan dan bidan kampung. Dalam kes kecemasan, pesakit akan dibawa terus ke hospital Kuala Terengganu dengan bot nelayan atau bot Jabatan Laut yang mengambil masa perjalanan kira-kira tiga hingga empat jam.

Begitu juga taraf pendidikan masih rendah. Setakat ini cuma lima orang daripada kalangan anak-anak pulau ini yang berjaya ke pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Kesedaran pendidikan dalam kalangan ibu bapa masih rendah. Mereka membiarkan anak-anak menentukan sendiri sama ada ingin meneruskan persekolahan atau membantu mereka dalam urusan kerja harian sebagai nelayan. Ketiadaan sekolah menengah di pulau ini dan kesukaran pengangkutan dengan tambang bot yang mahal ke tanah besar dikenalpasti sebagai antara faktor yang menyebabkan ibu bapa kurang menggesa anak-anak lebih tekun dalam pelajaran.

#### PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI

Berdasarkan dapatan kajian, boleh dikatakan bahawa proses pertama penglibatan penduduk secara langsung dalam industri pelancongan di Pulau Redang ialah melalui pengambilan para pekerja kategori buruh untuk bekerja di hotel dan padang golf yang baru dibuka. Maklumat yang diperolehi daripada hotel terbesar di Pulau Redang menunjukkan bahawa daripada 230 orang pekerja peringkat pertama di hotel tersebut, 35 peratus daripadanya adalah penduduk tempatan.



Daripada jumlah tersebut 60 peratus berkerja di bahagian golf (sebagai kedi) dan landskap, manakala 40 peratus lagi di bahagian restoran dan *housekeeping*. Jawatan tertinggi yang dipegang oleh penduduk tempatan ialah sebagai penyelia dan bilangannya cuma dua orang. Manakala gaji yang ditawarkan ialah sekitar RM450-RM650 bagi buruh bahagian golf dan RM300-RM500 bagi pelayan atau yang bekerja di bahagian *housekeeping*.

Tawaran gaji yang dikatakan 'agak lumayan' bagi penduduk tempatan ini telah menjadikan pekerjaan tersebut sebagai satu profesion yang menarik dalam kalangan belia Pulau Redang. Lebih 90 peratus para belia di sini mengidamkan kerja di sektor perhotelan dengan alasan suasana kerjanya yang menarik dan lebih *glamour* berbanding dengan bekerja sebagai nelayan. Namun, memandangkan kelayakan untuk bekerja di sektor ini memerlukan sekurang-kurangnya kelulusan SRP dan kebolehan berkomunikasi dengan baik, maka ramai yang telah gagal di peringkat temuduga. Dari segi gender, lebih ramai pekerja wanita (65 peratus) berbanding lelaki yang didapati bekerja dalam sektor perhotelan ini. Ini adalah kerana secara perbandingan pekerja wanita mempunyai kebolehan berkomunikasi lebih baik dan mereka juga lebih diperlukan, terutama di bahagian *housekeeping* dan penyediaan makanan.

Seterusnya hasil kajian juga mendapati 14.7 peratus daripada 102 nelayan ketua isi rumah yang ditemui dan yang masih menjadi nelayan berhasrat menceburi bidang-bidang yang bersangkutan dengan sektor sokongan kepada sektor pelancongan; seperti berniaga kecil-kecilan, mengusahakan bot pelancong, dan menjadi pembekal. Walau bagaimanapun, kesemua mereka menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah modal, peluang dan juga ruang.

Dalam bidang peruncitan pula, didapati cuma sebuah dua kedai sahaja yang agak maju dan boleh dikelaskan sebagai 'mini market' dan sering menjadi tumpuan pelancong. Keadaan ini berlaku kerana hampir kesemua kedai lain yang terdapat di sini kelihatan tidak kemas, kurang barangan yang ditawarkan dan lokasi yang kurang strategik. Dalam pada itu, para pelancong yang datang ke sini, segala-galanya telah disediakan oleh pihak agensi pelancongan atau hotel secara pakej, menyebabkan mereka tidak perlu lagi berkunjung ke kedai-kedai ini untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan lain.

Perniagaan makanan mendapat sambutan yang baik daripada penduduk dan juga pelancong yang datang. Walau bagaimanapun, daripada 10 buah kedai makan (bukan bertaraf restoran) yang terdapat di pulau ini, cuma lima buah dibuka daripada jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam dan mendapat tumpuan yang menggalakkan dengan jumlah jualan hariannya sekitar RM300-RM400 sehari. Anggaran kasar keuntungan yang diperolehi adalah sekitar RM3000 sebulan. Manakala kedai-kedai lain ada yang dibuka daripada pagi hingga tengahari dan ada yang dibuka pada waktu petang sahaja. Bekalan yang terhad, cuaca dan *mood* pekedai tersebut menyebabkan masa jualannya singkat, tidak menentu dan seolah-olah perniagaan mereka itu 'hidup segan, mati tak mahu'.

Didapati juga tiada satupun kedai yang menjual barangan yang melambangkan identiti komuniti tempatan, sedangkan Pulau Redang terkenal dengan hasil lautnya yang boleh dipromosikan. Kedai-kedai di pulau ini tidak menjual sebarang hasil tempatan berbentuk cenderamata, manakala kedai makannya pula tidak mempromosikan makanan tradisional tempatan berasaskan sumber laut hasil tangkapan para nelayan, sedangkan menu masakan tempatan seperti ikan bakar, otak-otak, sata, dan keropok lekor mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pengunjung ke Terengganu. Boleh dikatakan masalah sikap dan kemampuan yang amat terbatas membantutkan usaha ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan.

Dari segi pembekalan pula, didapati sehingga kini kurang daripada sepuluh peratus daripada sumber bekalan untuk hotel dan chalet dibekalkan oleh penduduk tempatan. Pengusaha hotel dan chalet di Pulau Redang memperolehi bekalan masing-masing, termasuk bekalan ikan segar, dengan cara memesannya daripada Kuala Terengganu walaupun majoriti penduduk di sini terdiri daripada nelayan. Oleh itu, secara umumnya peluang untuk menjadi pembekal dan pemborong tidak begitu terbuka untuk komuniti tempatan. Diskriminasi atau proses peminggiran secara halus kelihatan masih berlaku meskipun ada dalam kalangan anggota komuniti ini yang mampu bersaing sekiranya diberi peluang berbuat demikian.

## PULAU PERHENTIAN

### LATAR BELAKANG

Komuniti terawal yang menduduki Pulau Perhentian dipercayai berasal dari Kepulauan Riau, sama dengan asal-usul komuniti di Pulau Redang. Batin Mina dikatakan orang pertama membuka kawasan petempatan di Pulau Perhentian. Pulau Perhentian menempatkan sejumlah 1,393 orang penduduk. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Melayu beragama Islam (98.8 peratus). Sebanyak 58.4 peratus pula merupakan penduduk asal pulau ini manakala 38.7 peratus adalah pendatang daripada luar pulau, tetapi warga negara dan cuma 2.9 peratus pendatang bukan warga negara (hasil temubual dan rekod di Balai Polis Pulau Perhentian). Terdapat juga sebilangan kecil (empat buah keluarga) penduduk tempatan yang berkahwin dengan warga asing seterusnya menetap di pulau ini dan sekali-sekala sahaja pulang ke negara asal mereka.

Kajian mendapati 76.9 peratus daripada 173 orang ketua isirumah yang ditemubual telah menerima tahap pendidikan tertentu sedangkan 16.2 peratus lagi tidak. Pada asalnya, hampir keseluruhan pekerjaan ketua isirumah adalah sebagai nelayan, tetapi pada hari ini, dengan aktiviti pelancongan yang semakin giat, didapati 39.9 peratus (69 ketua isirumah) telah melibatkan diri dalam sektor pelancongan termasuk sebagai pengusaha chalet (10.4 peratus), pengusaha bot pelancongan (14.5 peratus), dan bekerja di pusat pelancongan sama ada sebagai

pembantu atau pemandu pelancong (15 peratus). Kini, sektor tradisional di pulau ini diusahakan oleh kurang 20.0 peratus daripada jumlah penduduk di sini (temubual dengan Ketua Kampung dan Rekod JKKK).

Dari segi pendapatan asas ketua isi rumah, 25.4 peratus menerima pendapatan kurang daripada RM500, 47.4 peratus menerima antara RM500 hingga RM1,000, dan hanya 27.2 peratus penduduk menikmati pendapatan lebih dari RM1,000. Sejumlah 20.8 peratus ketua isirumah mempunyai pekerjaan sambilan bagi menambahkan pendapatan keluarga. Terdapat juga isteri ketua isi rumah yang bekerja samada secara sepenuh masa dengan majikan (20.8 peratus), bekerja sendiri (16.2 peratus) atau bekerja secara sambilan dengan majikan (11 peratus). Rata-rata para isteri bekerja dengan tujuan utama untuk membantu meringankan beban suami kerana pendapatan sebagai nelayan tidak memberi jaminan yang baik, manakala bekerja di sektor pelancongan pula adalah bermusim.

Kebanyakan penduduk di pulau ini mempunyai pendapat yang berbeza berkenaan pendapatan mereka sekarang berbanding dengan pendapatan mereka lima tahun yang lalu. Setelah adanya pembangunan pelancongan sebanyak 35.8 peratus penduduk di pulau ini mengatakan pendapatan mereka meningkat lebih dari sekali ganda, 34.7 peratus pula berpendapat bahawa pendapatan mereka meningkat hampir sekali ganda. Sebanyak 16.8 peratus mengatakan bahawa pendapatan mereka tidak berubah sejak lima tahun yang lalu dan 18 peratus pula menyatakan pendapatan mereka merosot. Sebanyak 47.4 peratus berpendapat, secara purata harga barangan adalah lebih mahal sedikit berbanding di tanah besar dan 32.4 peratus berpendapat harga barangan adalah sangat mahal dan barangan sukar untuk didapati.

Berkaitan dengan status hak milik rumah kediaman, sebanyak 79.2 peratus penduduk di pulau ini mengatakan bahawa mereka miliki rumah yang didiami. Peratusan tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk pulau ini mempunyai hak milik tanah dan keadaan ini juga menunjukkan bahawa penduduk pulau ini sudah bersedia untuk tinggal selamanya di pulau ini. Selain itu 9.8 peratus penduduk di pulau ini tinggal di rumah warisan peninggalan penghuni asal yang membuka pulau ini. Sejumlah 6.4 peratus sahaja penduduk di pulau ini yang menyewa dan hanya 4.6 peratus mempunyai status hak milik rumah selain daripada yang dinyatakan di atas.

Pulau Perhentian tidak mempunyai kemudahan jalan raya bagi menghubungkan penduduk dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Bot merupakan pengangkutan terpenting bagi menghubungkan penduduk tempatan dengan penduduk di pulau-pulau lain dan juga dengan tanah besar dan 47.4 peratus penduduk di Pulau Perhentian ini memilikinya. Kebanyakan penduduk di pulau ini menggunakan sendiri bot tersebut dan kadangkala menjadikannya sebagai sumber pendapatan mereka. Bekalan air dan elektrik juga disediakan oleh pihak kerajaan.

## PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI

Semenjak pulau ini mula dikenali sebagai salah sebuah pulau pelancongan 20 tahun lalu, anggota komuniti yang sebelum ini majoritinya adalah nelayan tradisional telah mengorak langkah ke sektor pelancongan. Dari segi penglibatan penduduk, hasil kajian mendapati sebilangan besar penduduk, iaitu 89.8 peratus terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan. Oleh itu, ada di antara penduduk kampung telah merebut peluang melibatkan diri sebagai usahawan dengan menyediakan keperluan untuk para pelancong. Mereka telah mengusahakan bot-bot laju dan bot nelayan yang diubahsuai untuk kemudahan pelancong pergi dan balik dari Pulau Perhentian. Namun, hasil temubual dengan ketua kampung, menunjukkan penglibatan sebenar penduduk tempatan di Pulau Perhentian amat terhad, sedangkan penduduk dari tanah besar terutamanya dari Kuala Besut dan Kelantan lebih dinamik dan pandai merebut peluang. Perusahaan chalet, restoran, bot pelancongan dan perkedaian banyak dikuasai oleh pengusaha luar yang mempunyai modal yang lebih besar, kemahiran yang lebih baik dan pengurusan yang lebih cekap berbanding pengusaha tempatan pulau ini.

Daripada jumlah keseluruhan pengusaha di Pulau Perhentian, etnik Melayu adalah terbanyak (89.8 peratus), diikuti oleh Cina (6.8 peratus), India (1.7 peratus) dan etnik lain (1.7 peratus). Namun, daripada seramai 34 pengusaha chalet di pulau tersebut terdapat hanya 15 pengusaha sahaja terdiri daripada anak tempatan. Daripada sejumlah pengusaha yang menyertai sektor pelancongan ini, 23.2 peratus terlibat dalam pengendalian restoran untuk para pelancong, seperti Barracuda Café dan Suria Restaurant yang terletak di Pulau Perhentian Kecil. Perniagaan jenis restoran adalah terbanyak menyebabkan terdapat banyak pilihan makanan untuk para pelancong yang berkunjung ke pulau tersebut dan masih ada banyak lagi ruang untuk meningkatkan daya saing antara mereka.

Dari segi jenis perniagaan penginapan pula, didapati perkhidmatan chalet dan resort adalah hampir sama, iaitu masing-masing 15.9 peratus dan 14.5 peratus (Jadual 2). Kebanyakan chalet di pulau itu mempunyai restorannya sendiri, maka restoran kurang dibina dan pengusaha di pulau itu biasanya mendapatkan barang keperluan perusahaan daripada pemborong di Besut.

JADUAL 2. Penglibatan penduduk dalam aktiviti pelancongan

Jenis Pengusaha	N=69	Peratus
Restoran	16	23.3
Chalet	11	15.9
Resort	10	14.5
Runcit	8	11.6
Lain-lain	24	34.8
Jumlah	69	100.0

Selain itu terdapat juga penduduk tempatan yang menjadi pengusaha kedai runcit (11.6 peratus). Walaupun peratusan tersebut kecil, namun telah muncul usahawan kecil di kalangan penduduk tempatan yang memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Keputusan peratusan menunjukkan kecenderungan yang tinggi di kalangan ahli komuniti di pulau ini untuk menceburi bidang keusahawanan di sektor pelancongan. Penglibatan lain penduduk tempatan (34.8 peratus) termasuklah bekerja di chalet di Pulau Perhentian Besar dan sekitar Pulau Perhentian Kecil, seperti bekerja sebagai pelayan dan juga tukang rumah.

Oleh sebab jenis perusahaan yang dijalankan berbentuk perniagaan tunggal dan kecil-kecilan, maka sejumlah 37.8 peratus pengusaha telah memulakan perniagaan mereka dengan modal kurang daripada RM5,000.00. Namun, terdapat juga sebanyak 35.5 peratus pengusaha yang melaburkan modal lebih RM20,000.00 terutama para pengusaha resort (Jadual 3).

JADUAL 3. Modal permulaan para pengusaha

Modal Permulaan (RM)	N=45	Peratus
< 5,000	17	37.8
5,001 - 10,000	8	17.8
10,001 - 20,000	4	8.9
> 20,000	16	35.5
Jumlah	45	100.0

Dilihat dari segi pengalaman pengusahaan pula, 33.9 peratus pengusaha mempunyai pengalaman kurang daripada lima tahun. Ini disebabkan mereka mendapat latihan dan mencari pengalaman kerja secara bekerja dengan orang lain dahulu barulah mereka keluar memulakan perniagaan mereka sendiri. Pengusaha yang mempunyai pengalaman antara lima dan sepuluh tahun adalah sebanyak 25.4 peratus. Mereka ini mendapat pengalaman berniaga dengan belajar sendiri. Proses pembelajaran melalui pemerhatian, pengalaman dan saranan daripada para pelancong yang datang telah menjadi motivasi utama ke arah perubahan bidang kerjaya daripada nelayan tradisional kepada pekerja dan pengusaha di sektor pelancongan.

Pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian semakin hari semakin mendapat sambutan daripada banyak pihak, terutamanya apabila musim cuti. Namun, tidak dinafikan terdapat persaingan yang ketara di antara pengusaha kerana jenis perusahaan dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah sama. Dalam hal pekerja misalnya, para pengusaha tempatan sentiasa menghadapi masalah mendapatkan pekerja baru kerana para pengusaha ini bersaing sesama sendiri dan masing-masing berebut pekerja untuk bekerja dengan mereka. Hasilnya, majoriti pekerja di restoran, chalet, runcit, resort dan lain-lain terdiri daripada penduduk luar dan bukan penduduk tempatan dan sentiasa bersilih ganti.

Hasil kajian juga mendapati, kebanyakan perusahaan yang dijalankan bukan merupakan perusahaan warisan. Pengusaha ini memulakan perniagaan mereka dengan modal sendiri tanpa sebarang bantuan daripada pihak kerajaan mahupun swasta walaupun terdapat banyak agensi kerajaan yang menawarkan bantuan. Rata-rata para pengusaha ini berminat untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, segelintir daripada mereka telah berpuas hati dengan perusahaan yang mereka jalankan sekarang.

## PULAU TIOMAN

### LATAR BELAKANG

Pulau Tioman yang terletak di Pahang merupakan pulau terbesar di pantai timur daripada 64 buah pulau yang ada di Laut China Selatan. Pulau ini terletak lebih kurang 36 batu nautika dari tanah besar dan mengambil masa selama dua jam untuk sampai ke sana. Keluasan kawasan pulau ini lebih kurang 13,360 hektar (134 km persegi). Terdapat tujuh buah kampung yang didiami oleh penduduk asal Pulau Tioman. Kesemua kampung ini mempunyai daya tarikan tersendiri dan menjadi tumpuan pelancong.

Jumlah populasi Pulau Tioman adalah seramai 3,021 orang dengan majoritinya adalah Melayu (Rekod daripada Balai Polis Tioman). Pada awal tahun-tahun 1970-an, sebelum aktiviti pelancongan dibangunkan di pulau ini, penduduk pulau bergantung hidup sepenuhnya kepada aktiviti menjual ikan dan hasil lain yang berasaskan laut. Kini majoriti (89.3 peratus) ketua isirumah di kalangan penduduk di sini telah melibatkan diri dalam sektor pelancongan sebagai pekerja dan juga pengusaha.

Secara umum, tahap pendidikan dalam kalangan penduduk Pulau Tioman boleh dianggap rendah. Kebanyakan ibu bapa kurang menitikberatkan sama ada anak-anak mereka mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya ataupun terus bekerja di sektor pelancongan. Hal ini kerana kesedaran mereka terhadap pentingnya ilmu pengetahuan adalah sangat rendah. Salah satu faktor lagi ialah kerana kekurangan kemudahan persekolahan. Terdapat hanya dua buah sekolah rendah disediakan untuk penduduk dari tujuh buah kampung di Pulau Tioman. Manakala terdapat sebuah sekolah menengah yang hanya menyediakan persekolahan sehingga tingkatan tiga. Bangunan sekolah ini pula ditempatkan bersama-sama dengan sekolah rendah di Kampung Tekek. Oleh kerana tambang bot yang membebankan, maka selepas tamat tingkatan tiga mereka tidak menggalakkan anak-anak untuk meneruskan persekolahan ke sekolah lain di tanah besar, sebaliknya menolong ibu-bapa bekerja untuk meningkatkan pendapatan keluarga.

Dari segi tingkat pendapatan pula, pada umumnya mereka yang hanya bekerja dengan orang lain (bukan pengusaha) memperolehi pendapatan sekitar RM400 hingga RM800 sebulan. Sekitar 40 peratus daripada penduduk boleh

dikategorikan berada di bawah paras kemiskinan. Namun, terdapat juga penduduk pulau yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan sebagai pengusaha chalet. Kini, terdapat 86 buah resort atau chalet yang dibangunkan di Pulau Tioman dengan jumlah bilik keseluruhannya 2,200 buah. Sesetengah mereka menjadi pengusaha bot pelancong dan juga sebagai orang tengah dan mampu memperolehi pendapatan antara RM1,000 hingga 8,000 sebulan.

Dari segi kemudahan awam pula, pembangunan kemudahan tersebut di pulau ini adalah tidak seimbang di antara kampung. Didapati kemudahan di Kampung Tekek relatifnya lebih baik berbanding dengan kampung-kampung lain. Di Kampung Tekek ini misalnya terdapat sebuah lapangan terbang dan bangunan terminal, masjid, klinik, dewan orang ramai, tadika, pejabat pos, balai polis serta beberapa jeti di setiap kampung. Di samping itu, bekalan elektrik juga disediakan terus-menerus berbanding 20 tahun lepas apabila bekalan hanya selama 12 jam sehari. Sementara itu, bekalan air pula diperolehi daripada sumber air semulajadi, iaitu air daripada pancur bukit yang terdapat di pulau tersebut. Dari segi kemudahan lain pula, sememangnya pulau ini dibangunkan untuk industri pelancongan berasaskan laut semata-mata. Kemudahan rekreasi seperti taman rekreasi untuk penduduk tempatan tidak disediakan. Kanak-kanak hanya bermain di sekitar rumah mereka, di tepi jeti, di persisiran pantai ataupun membuat aktiviti laut yang lain seperti memancing dan berenang.

Sebagai sebuah pulau pelancongan, di antara ciri menarik Pulau Tioman ialah sumber alam semulajadinya. Kira-kira 80 peratus daripada kawasan pulau ini dipenuhi dengan hutan dara, iaitu hutan yang belum diterokai manusia. Seperti hutan tropikal lain, hutan ini mempunyai pelbagai jenis binatang yang unik termasuklah 650 spesis burung yang terdapat di Semenanjung Malaysia sahaja, lebih daripada 100 spesis ular termasuklah ular tedung dan ular sawa serta binatang-binatang jenis amfibia termasuklah 80 spesis cicak. Di antara haiwan yang paling popular ialah kancil, iaitu satu-satunya binatang yang dilindungi di pulau ini dan dibenarkan hidup secara bebas di hutan tersebut (temubual dengan Petugas Jabatan Perhilitan).

#### PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Dalam kes Pulau Tioman, Fasa Pertama pembangunan telah bermula pada awal tahun-tahun 1970an sebagai destinasi kegemaran pelancong tempatan sahaja. Keindahan pantai dan pemandangan di bawah paras lautnya yang mengagumkan telah menarik ramai pelancong untuk membuat aktiviti *snorkeling* dan *scuba diving* di pulau tersebut. Bukan itu sahaja, keramahan, rasa hormat-menghormati serta sikap suka menolong pelancong yang berkunjung ke situ turut menjadi daya tarikan.

Menyedari bahawa Pulau Tioman berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancongan, pada tahun-tahun 1980an sekumpulan usahawan Melayu dari tanah

besar Semenanjung telah mengambil alih sebanyak 20 peratus daripada perniagaan chalet kepunyaan pengusaha tempatan. Fasa operasi ini telah dimulakan apabila negeri Pahang merancang untuk mengangkat Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa. Seterusnya pada tahun 1986, kerajaan negeri Pahang dengan kerjasama syarikat swasta telah membuat perjanjian untuk menaik taraf hotel-hotel yang sedia ada kepada bertaraf lima bintang.

Dalam pada itu, penduduk tempatan mula turut terlibat dalam perniagaan pelancongan seperti sebagai pengusaha bot dan chalet, menjual makanan dan membuka kedai cenderamata. Hingga kini terdapat 86 peratus daripada ketua keluarga di Pulau Tioman terlibat dengan industri pelancongan.

Pembangunan industri pelancongan telah menyebabkan juga nilai tanah meningkat dengan mendadak. Keadaan ini sebenarnya merupakan suatu ancaman kepada pemilik tanah di pulau ini kerana tanah tersebut adalah harta pusaka nenek moyang mereka dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Hasil temubual dengan Tok Empat (berperanan sebagai Ketua Kampung) di Pulau Tioman, dimaklumkan bahawa sehingga hari ini sekitar 60 peratus tanah tersebut telah dijual dan bertukar milik kepada pelabur-pelabur luar Pulau Tioman. Terdapat banyak sebab mengapa komuniti tempatan menjual atau menyewakan tanah mereka. Keadaan ekonomi mereka yang rendah dan tidak ada perancangan masa hadapan merupakan antara sebab mengapa mereka berbuat sedemikian. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir pemilik tanah yang mampu mengusahakan sendiri perniagaan chalet di atas tanah mereka. Daripada 70 buah chalet yang terdapat di pulau ini, 59 daripadanya (84 peratus) adalah diusahakan oleh usahawan tempatan. Dalam pada itu, sekitar 90 peratus pekerja chalet pula terdiri daripada penduduk tempatan dan kebanyakannya terdiri daripada ahli keluarga sendiri.

## TERPINGGIR ATAU MEMINGGIR?

Secara umumnya pembangunan pelancongan di pulau-pulau yang dikaji telah menyebabkan berlakunya transformasi ekonomi dalam kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam industri ini. Transformasi ini berhubung rapat dengan kedatangan pelancong dan pendedahan kepada persekitaran pelancongan yang telah berlaku sejak 10 hingga 15 tahun dahulu. Keadaan ini menunjukkan penduduk tempatan sentiasa menyambut baik sektor pelancongan sebagai satu jalan menuju kemodenan.

Tidak dinafikan industri ini sememangnya meninggalkan impak yang besar kepada komuniti pulau kerana secara langsung telah dapat mengubah taraf sosioekonomi khasnya dan juga mengubah paradigma sosial amnya. Ini dibuktikan dengan pandangan majoriti penduduk tempatan yang bersetuju bahawa sektor pelancongan telah memberi kesan yang besar ke atas penduduk dan



seterusnya amat bersetuju dengan kemasukan pelancong. Di antara alasan utama yang diberikan ialah bahawa komuniti tempatan dan kawasan sekitar telah mendapat faedah daripada kedatangan pelancong kerana wujudnya banyak peluang pekerjaan untuk mereka. Hal ini selari dengan pernyataan Bird (1989) bahawa aktiviti pelancongan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi dan memberikan peluang pekerjaan yang besar kepada penduduk setempat, dan dengan itu mereka tidak perlu berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan.

Secara kolektif, komuniti di pulau-pulau ini telah menjalankan aktiviti berkaitan dengan pelancongan sama ada sebagai pemandu bot, pemandu pelancong, pekerja di padang golf, tukang masak, pengemas bilik, atau pekerja am di chalet hinggalah kepada peniaga atau pembekal, pengusaha pengangkutan bot dan juga pengusaha chalet. Namun begitu, masih ada penduduk yang menjalankan kegiatan yang tidak menjurus kepada sektor pelancongan. Sebagai contoh, ada yang kekal sebagai nelayan tradisional seperti yang terdapat di Pulau Redang dan Pulau Perhentian.

Walaupun industri pelancongan dapat meningkatkan pendapatan sebilangan penduduk di pulau ini, sebenarnya masih terdapat diskriminasi dan perspektif yang negatif dalam kalangan pengusaha terhadap pekerja tempatan. Ini dibuktikan dengan pekerja tempatan hanya berpeluang melakukan kerja-kerja peringkat bawahan dengan kadar gaji yang lebih rendah berbanding gaji yang diterima oleh pekerja luar. Antara alasan yang menjadi halangan untuk mereka mendapatkan jawatan yang lebih baik adalah tiada kelulusan yang berkaitan, kekurangan pengalaman, tidak berkemahiran serta kurang berdisiplin. Disebabkan itu, kebanyakan tenaga mahir yang bekerja di resort utama di pulau-pulau ini berasal daripada tanah besar dan tindakan sedemikian menyebabkan komuniti tempatan yang berhajatkan peluang tersebut terasa terpinggir.

Dilihat dari sudut perniagaan pula, penglibatan sebenar penduduk tempatan boleh dikatakan amat terhad di Pulau Redang dan Pulau Perhentian berbanding dengan di Pulau Tioman. Daya saing yang kurang dalam kalangan penduduk tempatan telah membuka peluang kepada penduduk dari tanah besar merebut peluang dan seterusnya menjadi pengusaha yang berjaya di kedua-dua pulau di Terengganu ini. Dalam hal ini, penduduk tempatan tidak boleh dipersalahkan kerana mereka mempunyai modal yang terhad, pengetahuan yang terhad dan kemampuan untuk bersaing yang amat rendah. Situasi ini menyebabkan mereka mengambil langkah meminggirkan diri daripada menyertai sektor ini yang dianggap baru, mencabar dan sukar ditembusi oleh kalangan mereka yang tidak berpengalaman dan serba kekurangan.

Dari segi ekonomi, pembangunan berskala besar selalu dianggap penting kerana sesuai dengan skala ekonomi dan pertumbuhan pasaran. Pembangunan berskala besar di pulau-pulau pelancongan ini sememangnya menuntut adanya penyediaan pembangunan fizikal yang mendadak, yang juga tidak dinafikan memberi kesan kepada persekitaran sosial dan alam semulajadi. Namun,

pembangunan fizikal yang dijalankan bukan sahaja menjadi aset kepada industri ini seperti lapangan terbang yang baru, hotel lima bintang, kompleks pelancong yang moden, jeti dan jalan raya yang baik, bekalan air dan elektrik yang mencukupi, malah secara langsung telah mengangkat kualiti kehidupan keseluruhan ahli komuniti di pulau-pulau ini yang semestinya juga menikmati kemudahan tersebut.

## KESIMPULAN

Persoalan terpinggir atau meminggir perlu dilihat dari dua sudut yang berbeza, iaitu dari sudut pembangunan pelancongan dan dari sudut keperluan dan manfaat komuniti tempatan. Dari sudut pembangunan pelancongan, ia seharusnya mengintegrasikan komuniti tempatan dalam pembangunan pelancongan bagi melahirkan keserasian industri tersebut dalam persekitaran komuniti berkenaan. Kelemahan dan kekurangan pengalaman yang terdapat dalam kalangan pekerja dari kalangan komuniti tempatan adalah bersifat sementara. Namun, eksploitasi majikan atas alasan kelemahan tersebut perlu diatasi, malah penyertaan penduduk tempatan perlu diberi keutamaan. Ini bagi memastikan wujudnya tanggapan positif di kedua-dua belah pihak dan mengelakkan keterpinggiran sumber manusia yang bernilai untuk pembangunan yang berterusan.

Tanpa penglibatan komuniti tempatan, industri ini seolah-olah bersifat 'buatan' dan tidak semulajadi. Industri pelancongan pulau yang berasaskan ekologi selalunya menuntut sesuatu yang semulajadi dari segi alam sekitar hinggalah kepada individu tempatan yang dapat berinteraksi dengan para pelancong. Seterusnya hasrat memenuhi tuntutan naluri pelancong yang inginkan kelainan, dan permintaan terhadap '*tailor-crafted*' produk pelancongan, telah meningkatkan kepentingan dan memberikan pengiktirafan terhadap perniagaan bersekala kecil dalam bidang ini. Keupayaan menghasilkan produk yang berdaya saing adalah bergantung kepada sejauhmana para pengusaha ini kreatif serta inovatif dalam mencari dan memasarkan produk dalam bentuk baru. Faktor inilah juga dilihat mempersengitkan lagi persaingan dan menyukarkan para usahawan baru untuk bersaing dalam bidang ini.

Dari sudut keperluan dan manfaat komuniti tempatan, manfaat hasil pembangunan pulau perlu dinikmati bersama dengan komuniti tempatan tanpa mewujudkan ketidakadilan pengagihan pembangunan, persaingan sumber dan mengorbankan nilai sosiobudaya yang menjadi amalan dan warisan mereka. Apa yang pasti, sebelum sesuatu perancangan itu dilaksanakan, agenda itu penting dimasukkan dalam rancangan pembangunan sejak awal lagi. Komuniti tempatan perlu diberi pendedahan awal tentang pembangunan, kemungkinan implikasinya dan cara atau kaedah bagi mengatasi ancaman dan dengan itu menjadikannya sebagai suatu peluang untuk mereka. Sekiranya mereka diberi bimbingan dan tunjuk ajar, mereka sebenarnya mampu bekerjasama secara aktif

dalam pembangunan plancongan. Dengan adanya sokongan dan kerjasama daripada penduduk tempatan, pembangunan yang dijalankan pastinya lebih bermakna dan isu keterpinggiran ini akan lenyap. Saranan ini dibuat kerana kajian mendapati komuniti tempatan tidak bersedia dari segi mental, fizikal dan juga ekonomi untuk turut serta merebut peluang yang terdapat dalam sektor plancongan. Secara umumnya, mereka nampaknya lebih mudah untuk dieksploitasi sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh pihak-pihak yang mahu mencari keuntungan dari pembangunan yang lebih memihak kepada golongan kapitalis plancongan ini. Golongan ini jarang sekali mempedulikan sama ada komuniti tempatan terpinggir atau meminggirkan diri daripada pembangunan.

#### RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2000. Pembangunan: Daripada Modenisasi Kepada Globalisasi. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Falsafah dan Peradaban Pembangunan di Alaf Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 11-12 September.
- Bird, B. 1989. *Langkawi: From Mahsuri to Mahathir. Tourism for Whom?* Kuala Lumpur: Insan.
- Brougham, J. E. & Butler, R. W. 1981. A Segmentation Analysis of Resident Attitudes to the Social Impact of Tourism. *Annals of Tourism Research*. 8: 569-590.
- Burkart, A. J. & Medlick, S. 1981. *Tourism. Past, Present and Future*. (2<sup>nd</sup> ed). Oxford: Heinemann.
- Bystranowski, J. 1989. *Tourism a Factor of Change: A Sociocultural Study*. Vienna: European Coordination Centre for Research and Documentation in Social Sciences.
- Caneday, L. & Zeiger, J. 1991. The Social, Economic and Environmental Cost of Tourism to a Gaming Community as Perceived by Its Residents. *Journal of Travel Research*. 30(2): 45-49.
- Carter, A. F. 1985. *The Sociology of Development*. London: Causeway Press Ltd.
- Cooke, K. 1982. Guidelines for Socially Appropriate Tourism Development in British Columbia. *Journal of Travel Research* 21 (Summer): 22-28.
- Doxey, G. V. 1975. A Causation Theory of Visitor-Resident Irritants; Methodology and Research Inferences. *Travel and Tourism Research Association Sixth Annual Conference Proceeding*. Salt Lake City: University of Utah Hal. 195-98.
- Galeski, B. 1972. Conflict and Change as an Aspect of Development. *Sociology Ruralis*. Jilid 12.
- Goodfrey, K. B. 1998. Attitudes Towards Sustainable Tourism in the UK: A View from Local Government. *International Journal of Tourism Management* 19(3): 213-224.
- McClelland, D. 1961. *The Achieving Society*. Van Nostrand. New York.
- McCool, S. F. & Martin, S. R. 1994. Community Attachment and Attitudes Toward Tourism Development. *Journal of Travel Research*. 32(3): 29-34.
- Milman, A. & Pizam, A. 1988. Social Impacts of Tourism on Central Florida. *Annals of Tourism Research* 15: 191-204.
- Noronha, R. 1979. Paradise Reviewed: Tourism in Bali. Dlm. *Tourism—Passport to Development? Perspectives on the Social and Cultural Effects of Tourism in Developing Countries*. Emanuel de Kadt, (ed.) New York: Oxford University Press.

- Perdue, R. R., Long, P. T. & Allen, L. 1990. Resident Support for Tourism Development. *Annals of Tourism Research* 17: 586-599.
- Pizam, A. 1978. Tourism's Impacts: The Social Costs to the Destination Community as Perceived by Its Residents. *Journal of Travel Research*, 16 (Spring): 8-12.
- Rahimah Abdul Aziz. 1989. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rothman, R. 1978. Resident and Transients: Community Reactions to Seasonal Visitors. *Journal of Travel Research*. 16(1): 8-13.
- Sentha, R. J., & Richmond, B. O. 1978. US Virgin Islanders' Perceptions of Tourism. *Journal of Travel Research*. 17(1): 30-37.
- Sheldon, P. J. & Var, T. 1984. Resident Attitudes to Tourism in North Wales. *Tourism Management*. 5: 40-47.
- Thompson, P., Crompton, J. L & Kamp, B. D. 1979. A Study of the Attitudes of Impact Groups Within a Host Community Toward Prolonged Stay Tourist Visitors. *Journal of Travel Research*. 17(4): 2-6.
- Ting Chew Peh. 1985. *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Var, T., Kendall, K. W. & Tarakcoglu, E. 1985. Resident Attitudes towards Tourist in Turkish Resort Town. *Annals of Tourism Research*. 12: 652-658.

Yahaya Ibrahim, Ph.D.  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E., Malaysia

E-mail: ya@pkrisc.cc.ukm.my